

# UMS anjur webinar kupas isu dan cabaran vaksin COVID-19

UB 23.09.2021 P. 06

**KOTAKINABALU:** Menyedari masih terdapat keraguan oleh segelintir masyarakat terhadap vaksin COVID-19 sehingga banyak dakwaan yang tular di dalam media sosial tentang isu tersebut, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif mengadakan Webinar Strategik UMS bagi mengupas isu dan cabaran pembangunan vaksin COVID-19.

Webinar bertajuk 'Pembangunan Vaksin COVID-19: Isu dan Cabaran' itu disampaikan penceramah jemputan iaitu Dekan Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Norazmi Mohd Noor.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya berkata, perkongsian melalui webinar tersebut tepat pada masanya dan merupakan satu platform terbaik untuk mendengar penerangan mengenai vaksin daripada pakar sebenar.

Katanya, vaksin adalah salah satu iktiar untuk mengelakkan jangkitan teruk COVID-19 dan sebagai persiapan bagi negara memasuki fasa endemik yang dijangka tidak lama lagi.

"Kita amat berharap agar pada fasa endemik nanti, kita akan dapat kembali melakukan aktiviti atau rutin seharian dalam norma baharu dengan



**TAUFIQ**

kesedaran bahawa COVID-19 akan menjadi sebahagian daripada kehidupan kita.

"Namun, harapan untuk kembali menjalani kehidupan sebagaimana sebelum era pandemik COVID-19 mungkin tidak akan tercapai jika sasaran mewujudkan imuniti kelompok melalui vaksinasi tidak tercapai," katanya.

Justeru, Taufiq menyarankan agar para peserta webinar dapat mengambil peluang daripada sesi perkongsian tersebut untuk mendapatkan maklumat sahih tentang vaksin COVID-19 dan tidak mempercayai secara sembarono maklumat di media sosial atau mesej tular yang tidak pasti kesahihannya.

"Bagi memastikan sesuatu keputusan kita adalah tepat, kita perlu merujuk kepada pakar sebenar dan menilai berdasarkan fakta dan bukan-



**DR. NORAZMI**

nya berdasarkan sangkaan, spekulasi, sensasi, khabar angin dan seumpamanya.

"Saya berharap wacana intelektual mengenai vaksin ini akan dapat mengungkap segala kekeliruan dan memberikan kita kefahaman sebenar tentang vaksin.

"Terimalah apa sahaja yang bakal dikongsi dalam webinar ini dengan fikiran terbuka dan hati yang lapang," ujar Taufiq.

Dalam pada itu, Norazmi dalam perkongsian beliau menjelaskan, vaksin yang diberi kepada rakyat oleh kerajaan telah menjalani kesemua peringkat klinikal dan hanya diberikan kepada orang ramai setelah melepasi Fasa 3 ujian klinikal.

Katanya, di Malaysia terdapat badan pengawal selia telah membuat penilaian sebelum kerajaan yakin bahawa

vaksin tersebut selamat untuk diberi.

"Seseorang yang telah lengkap dos vaksin COVID-19 masih boleh dijangkiti tetapi vaksin tersebut akan mengurangkan tahap simptom yang teruk apabila dijangkiti, dan kebiasaan pesakit tersebut hanya dalam kategori 1 atau 2.

"Vaksin COVID-19 sememangnya berkesan dan tidak dinafikan dos penggalak (booster) dapat meningkatkan lagi tahap perlindungan individu seseorang," katanya.

Namun, katanya, apa yang perlu ditekankan adalah semua lapisan masyarakat menerima dos lengkap sebelum beralih kepada pemberian dos penggalak.

"Menjadi tanggungjawab orang ramai yang masih belum menerima vaksin untuk segera mengambil dos vaksin lengkap agar usaha ke arah imuniti kelompok dapat kita capai secepat mungkin," katanya.

Disiarkan secara langsung melalui platform Facebook rasmi UMS Official dan saluran YouTube UMS Net, webinar yang dikendalikan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, Prof. Madya Dr. Fatimah Ahmedy selaku moderator mendapat tontonan lebih 1,400 pengunjung di media sosial.